

## Bomba kenal pasti tanah bina balai di Redang, Perhentian

---



Kuala Terengganu: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu sudah mengenal pasti tapak sesuai bagi pembinaan balai bomba di Pulau Redang dan Perhentian.

Pengarahnya, Hassan 'As'ari Omar berkata, pihaknya sudah menghantar permohonan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Nerus dan Besut bagi mendapatkan kelulusan serta menguruskan prosedur berkaitan.

Beliau berkata, permohonan berkenaan kini dalam proses penilaian untuk diberi kelulusan dan dijangka tidak akan mengambil masa yang panjang.

"Kami memang ada usaha untuk penambah baikan perkhidmatan bomba di pulau.

"Difahamkan permohonan tersebut dalam pengetahuan pihak berwajib dan dalam proses untuk kelulusan," katanya selepas majlis Perbarisan Hormat Pengarah JBPM Terengganu di Ibu Pejabat JBPM Terengganu di sini, hari ini.

Beliau berkata, pembinaan balai bomba di Pulau Redang dan Perhentian adalah perlu memandangkan lokasi berkenaan terdapat ramai penduduk dan terdedah kepada pelbagai risiko kemalangan terutama kebakaran.

"Pembinaan sebuah balai bomba gred D dianggarkan menelan belanja antara RM4 juta hingga RM5 juta. Kami harap pembinaannya dapat disegerakan kerana ia sangat penting untuk keselamatan penduduk," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hassan 'As'ari berkata, pasukan Gerak Cepat (*Red Team*) JBPM Terengganu sedia untuk dikerah ke Johor sekiranya diperlukan bagi membantu kerja-kerja menyelamatkan mangsa banjir.

Bagaimanapun, katanya setakat ini beliau masih belum menerima sebarang arahan daripada ibu pejabat dan anggotanya berada dalam keadaan siap sedia.

"Pasukan Gerak Cepat kita ada 14 anggota, jika diperlukan kami akan aktifkan anggota bersama aset lori dan bot," katanya.

-Bernama